




LAPORAN LIPUTAN MEDIA

JUMAAT / 9 FEBRUARI 2024



Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat

TAJUK BERITA



1. CUACA PANAS DI KAWASAN UTARA FENOMENA BIASA - BERITA HARIAN

2. ZAKAT PERTANIAN CETUS LIMPAHAN REZEKI, EKONOMI - SINAR HARIAN



Zakat pertanian cetus limpahan rezeki, ekonomi

Banyak alasan dicipta bagi mengelak pelaksanaan Rukun Islam keempat itu



FATIMAH NURSHAZRINA AHMAD ZAMRI
Mahasiswa Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu

Petani merupakan antara profesion penting dalam masyarakat. Mereka bekerja keras bagi menghasilkan sumber makanan seperti beras, minyak masak dan buah-buahan untuk orang ramai. Bagaimanapun, terdapat segelintir petani enggan membayar zakat pertanian yang sepatutnya menjadi kewajipan bagi setiap orang Islam.

Mengapa zakat pertanian itu penting? Ini kerana ia merupakan salah satu jenis harta yang diwajibkan zakat apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak.

Di Malaysia, dari segi pengamalannya hanya tanaman padi yang dikenakan zakat pertanian. Tanaman-tanaman lain seperti kelapa sawit, getah dan buah-buahan pula tidak dikenakan zakat pertanian kerana ia dimasukkan dalam kategori zakat perniagaan.

Berdasarkan amalan taksiran zakat pertanian terutama tanaman padi di Malaysia yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri, terdapat kaedah taksiran yang berbeza antara negeri-negeri.

Pelbagai alasan tidak bayar zakat

Zakat ialah salah satu daripada lima Rukun Islam yang diwajibkan bagi setiap Muslim yang berkemampuan dan hartanya melebihi nisab (had minimum) selama satu tahun.

Namun, boleh dikatakan ramai petani enggan membayar zakat atas pelbagai sebab. Ada antara mereka berasakan tidak mampu membayar zakat kerana hidup dalam serba kekurangan.

Mereka beranggapan jika sebahagian daripada hasil tuaian mereka dizakatkan, maka mereka akan sukar untuk memenuhi keperluan harian.

Selain itu, terdapat juga petani yang berasakan mereka telah memberikan zakat secara tidak langsung melalui sedekah yang mereka lakukan setiap hari.

Mereka beranggapan dengan memberi sedekah atau menderma kepada masjid dan institusi kebajikan lain, mereka telah pun dikira menunaikan kewajipan zakat.

Malangnya, sedekah dan zakat adalah dua perkara yang berbeza. Alasan tersebut sebenarnya tidak sah

Alasan tersebut sebenarnya tidak sah

ZAKAT pertanian tidak semestinya hanya tertumpu kepada tanaman padi semata-mata.



RAMAI petani beranggapan tidak perlu menunaikan zakat kerana hidup serba kekurangan namun jika cukup syarat, mereka wajib melaksanakannya.

pada pandangan Islam kerana zakat merupakan tanggungjawab yang wajib ditunaikan oleh setiap Muslim berkemampuan tanpa terkecuali.

Tidak ada sebab untuk mengabaikan kewajipan tersebut walaupun seseorang itu berasakan bahawa mereka hidup dalam keadaan serba kekurangan.

Dibelenggu dengan ekonomi yang sering menguji kehidupan petani juga boleh menjadi salah satu sebab petani enggan membayar zakat.

Antara keluhan yang sering diungkapkan: "Bagaimana hendak bayar zakat? Makan pun kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang. Nak makan pun tak cukup."

Keadaan kewangan yang sukar disebabkan kegagalan tanaman atau tanaman tidak menjadi membuatkan petani sukar memenuhi keperluan hidup, apatah lagi membayar zakat.

Terdapat juga petani beranggapan sumbangan mereka tidak akan memberi impak besar kepada masyarakat yang memerlukan dan ia menjadi asbab petani enggan bayar zakat.

Kurang kefahaman, kesedaran tunai zakat

Kejahilan petani terhadap zakat yang perlu dilaksanakan boleh berpunca daripada kurangnya kefahaman tentang konsep zakat dan kepentingan melunaskannya dalam agama Islam.

Mereka mungkin tidak menyedari bahawa zakat adalah satu perintah wajib ditunaikan apabila cukup nisab yang telah ditentukan sebagai sebahagian daripada ibadah mereka.

Selain itu, mereka juga mungkin tidak faham bahawa zakat mempunyai tujuan untuk membantu meringankan beban orang yang memerlukan.

Kurangnya pendidikan tentang zakat dan bagaimana zakat diagihkan juga boleh menyebabkan petani menjadi jahil tentang zakat.

Oleh itu, adalah penting untuk memberikan pemahaman dan pendidikan yang lebih baik kepada petani tentang konsep zakat, tujuan zakat serta bagaimana zakat diagihkan kepada mereka yang memerlukan.

Dengan pemahaman yang lebih baik, diharapkan petani akan lebih bersemangat untuk melaksanakan kewajipan menunaikan zakat dan yakin sumbangan mereka akan memberi impak yang besar kepada masyarakat.

Kesan daripada keengganan petani untuk membayar zakat akan mengakibatkan ketidakseimbangan dalam masyarakat dan ekonomi.

Hal itu kerana zakat merupakan satu bentuk kebajikan dan solidariti dalam Islam. Di samping itu, zakat juga merupakan satu kaedah penyucian harta dan cara untuk menjadikan rezeki lebih berkat.

Dengan mengelak daripada membayar zakat, petani mungkin mengalami kesulitan dalam usahanya.

Oleh itu, golongan ilmuwan, akademik dan pendakwah hendaklah memberikan perhatian yang lebih mendalam lagi dalam ilmu penyampaian terutamanya berkaitan zakat pertanian.

Selain itu, kerajaan dan institusi agama juga perlu memberi sokongan serta bantuan kepada golongan petani agar mereka dapat menunaikan kewajipan zakat tanpa mengalami kesulitan.

Nisbahnya nanti mereka boleh menjadi contoh yang baik dan menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih adil serta makmur.

Cuaca panas di kawasan utara fenomena biasa



Keadaan sawah padi yang kering kontang dan tanah merekah di Balik Pulau berikutan fenomena cuaca panas melanda negara. (Foto Mikail Ong/BH)

Kuala Lumpur: Cuaca panas di kawasan utara baru-baru ini sebenarnya keadaan biasa berlaku di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia menjelang hujung bulan Januari hingga Februari.

Penyelidik meteorologi dan iklim Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Chung Jing Xiang, berkata corak cuaca begitu menandakan musim tengkujuh yang sedang melanda negara kita ini bakal berakhir.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin UMT berkata, kejadian cuaca panas itu tidak dapat digunakan untuk meramalkan sama ada kemarau panjang bakal berlaku.

"Hal ini kerana, kejadian kemarau bukan sahaja bergantung kepada perubahan angin monsun, tetapi juga anomali iklim yang lain seperti kejadian Pengayunan Selatan El Nino, Dwpolar Lautan Hindi, Pengayunan Madden-Julian dan lain-lain.

"Pusat Ramalan Iklim, National Oceanic and Atmospheric Administration, Amerika Syarikat menjangka kejadian El Nino ba-

kal berlanjutan pada musim-musim akan datang, tetapi akan secara perlahan-lahan berubah ke keadaan Pengayunan Selatan El Nino neutral pada sekitar April hingga Jun 2024," katanya kepada *BH*.

Cuaca lebih kering

Dalam pada itu, Jing Xiang berkata, kejadian El Nino biasanya akan menyebabkan keadaan cuaca menjadi lebih kering.

"Jabatan Meteorologi Malaysia (MET-Malaysia) turut menekankan perkara ini dalam tinjauan cuaca jangka panjang yang diuar-uarkan pada 31 Januari lalu.

"Namun demikian, orang ramai tidak perlu berasa terlampau gelisah kerana negara kita bakal dilanda musim peralihan monsun (sekitar Mac hingga Mei), iaitu musim keberangkatan untuk berlakunya hujan petang akan meningkat, sebelum kita dilanda sekali lagi dengan satu musim kering yang lebih panjang, iaitu Monsun Ba-

rat Daya," katanya.

Ditanya jika monsun barat daya yang bersifat kering ini akan mendatangkan kemarau panjang, Jing Xiang berkata, masih terlalu awal untuk diramalkan dengan tepat.

"Hal ini kerana sistem iklim kita amat kompleks. Cerapan, ramalan dan laporan yang dikemas kini dari semasa ke semasa daripada MetMalaysia dan agensi lain yang berkaitan diperlukan untuk ramalan yang lebih tepat.

"Bagaimanapun, penting untuk kita mengingati negara kita sedang mengalami fenomena El Nino, suatu fenomena yang biasanya akan menyebabkan corak iklim menjadi lebih kering berbanding daripada biasa.

"Kita mesti sentiasa bersiaga untuk menghadapi cabaran cuaca kering ini, dan peka kepada maklumat terkini yang akan disalurkan oleh pihak berkenaan, seperti Met Malaysia," katanya.



Chung Jing Xiang